

25 NOV 2001

KEMASUKAN SEMULA PBS DALAM BN KURANGKAN POLITIKING DI SABAH, KATA PAK LAH

KOTA KINABALU, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam Barisan Nasional (BN) akan membawa kesan positif kepada Sabah tanpa mengira sama ada pemimpin parti itu akan diberi jawatan dalam kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata politiking juga akan berkurangan apabila PBS menyertai semula BN.

"Saya tidak bercakap tentang peranan (PBS dalam kerajaan)... saya hanya mengatakan bahawa lagi kurang politiking lagi baik. Kita boleh beri tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan," katanya pada sidang berita pada akhir lawatan dua harinya ke Sabah, di sini, hari ini.

Abdullah ditanya sama ada kenyataan beliau semalam bahawa kemasukan semula PBS dalam BN akan membawa kesan positif kepada Sabah bermakna parti itu akan diberi peranan atau jawatan dalam kerajaan.

Ditanya bila BN akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan permohonan PBS itu, Abdullah berkata tarikhnya belum diputuskan lagi.

Pairin, yang diiringi Timbalan Presiden PBS Dr Maximus Ongkili, menyerahkan permohonan rasmi parti itu kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 15 Nov lepas.

-- BERNAMA

JS NAK